

# Bank of America

## Perbankan Global dan Notis Privasi Pasaran – Malaysia

Kemas kini terakhir Ogos 2020

Notis Privasi ini menerangkan bagaimana Bank of America, National Association, cawangan Labuan, Bank of America Malaysia Berhad Bank of America Malaysia Berhad dan Merrill Lynch Malaysian Advisory Sdn Bhd (setiap satunya “**Entiti Malaysia BofA**” atau “**kami**”), mengumpul, mengguna dan mendedahkan data peribadi dalam dan luar talian yang berkaitan dengan perkhidmatan yang kami sediakan kepada pelanggan korporat dan institusi kami (“**Perkhidmatan**”). Kami merujuk kepada individu yang Data Peribadi (seperti yang ditakrifkan di bawah) diproses oleh kami, seperti individu yang bekerja untuk atau sebaliknya terlibat dengan, atau berinteraksi dengan, pelanggan kami, sekutu mereka atau pihak ketiga lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan, sebagai “**anda**” dalam Notis Privasi ini.

Notis Privasi ini adalah tambahan kepada notis privasi lain yang berkaitan dengan perkhidmatan lain yang Entiti Malaysia BofA sediakan kepada pelanggan dan individu.

### **DATA PERIBADI**

Entiti Malaysia BofA mengumpul Data Peribadi yang berkaitan secara langsung dengan perniagaannya, yang diperlukan untuk memenuhi kewajipan undang-undangnya, atau sebaliknya dibenarkan untuk dikumpul di bawah undang-undang terpakai. Tersenarai dalam Lampiran 1 Notis ini ialah kategori Data Peribadi yang kami kumpul dan tujuan kami menggunakan data yang telah kami kumpulkan, kecuali yang dihadkan oleh undang-undang terpakai. Semasa menyediakan Perkhidmatan yang tertentu, kami menerima Data Peribadi daripada anda, pihak ketiga, wakil pelanggan anda, atau daripada sumber awam.

Kami mengumpul dan memproses Data Peribadi: (i) kerana kami dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian oleh undang-undang terpakai; (ii) kerana maklumat sedemikian diperlukan untuk memudahkan hubungan anda dengan kami, dan menyediakan Perkhidmatan yang diminta; (iii) di mana kepentingan awam memerlukan, sepertimana yang diklasifikasikan di bawah undang-undang tempatan, atau (iv) di mana diperlukan, dengan persetujuan atau keizinan nyata individu yang empunya Data Peribadi diproses oleh kami.

Jika kami tidak menerima maklumat yang kami minta, kami mungkin tidak dapat menyediakan Perkhidmatan yang diminta kecuali apabila dinyatakan, ia adalah mandatori bagi Entiti Malaysia BofA untuk mengumpul, mengguna, menyimpan, memindah dan sebaliknya memproses Data Peribadi untuk mencapai tujuan yang disenaraikan dalam Lampiran 2.

Kami perlu mengumpul dan memproses Data Peribadi untuk menyediakan Perkhidmatan yang diminta, atau kerana kami dikehendaki oleh undang-undang untuk berbuat demikian. Jika kami tidak menerima maklumat yang diminta oleh kami, kami mungkin tidak dapat menyediakan Perkhidmatan yang diminta.

### **Pengumpulan Data Peribadi**

Kami dan ejen, sekutu, subsidiari, dan pembekal perkhidmatan kami mengumpul Data Peribadi dengan pelbagai cara, termasuk:

- **Melalui Perkhidmatan:** Kami boleh mengumpul Data Peribadi melalui penyediaan Perkhidmatan.
- **Selain daripada melalui Perkhidmatan:** Kami mungkin mengumpul Data Peribadi mengenai anda selain daripada melalui Perkhidmatan, seperti apabila anda berjumpa dengan kami sebelum transaksi, meminta usul atau cadangan daripada kami, atau menyertai transaksi atau perjanjian kontrak, dirujuk dalam senarai pihak bekerja yang dibekalkan oleh anda atau pihak ketiga, atau dalam maklumat yang diperolehi daripada bilik data yang berkaitan dengan urusan niaga.
- **Daripada Sumber Lain:** Kami mungkin menerima Data Peribadi daripada sumber lain, seperti pangkalan data awam, majikan, entiti yang mana kami menyediakan Perkhidmatan kepada dan daripada pihak ketiga.

Menjaga keselamatan Data Peribadi adalah tanggungjawab terpenting kami. Kami mengekalkan langkah perlindungan dan keselamatan fizikal, teknikal, elektronik, prosedur dan organisasi bagi melindungi data peribadi daripada kemusnahan, kehilangan, perubahan, pendedahan atau akses secara tidak sengaja, menyalahi undang-undang atau tanpa izin, sama ada ia diproses oleh kami di Malaysia atau tempat lain. Pekerja yang bersesuaian diizinkan untuk mengakses data peribadi untuk tujuan perniagaan yang sah dan dikhususkan. Pekerja kami dikawal oleh kod etika dan polisi dalaman lain yang memerlukan pengurusan kerahsiaan data peribadi dan tertakluk kepada tindakan disiplin jika mereka gagal mematuhi syarat-syarat tersebut.

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan terpakai dan bersesuaian untuk mencapai tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini, Data Peribadi mungkin diguna dan didedahkan sepertimana yang dinyatakan dalam Lampiran 2.

Entiti Malaysia BofA mungkin juga mengguna dan mendedahkan Data Peribadi yang mana kami percaya adalah perlu atau wajar: (a) untuk mematuhi undang-undang terpakai termasuk persetujuan dan perjanjian dengan atau antara kerajaan asing atau domestik (termasuk yang berkaitan dengan undang-undang pelaporan cukai), yang mungkin termasuk undang-undang di luar negara di mana anda berada, untuk membalas permintaan daripada pihak berkuasa awam dan kerajaan, yang mungkin termasuk pihak berkuasa di luar negara anda, untuk bekerjasama dengan penguatkuasaan undang-undang, kerajaan, pengawalseliaan, bursa sekuriti atau agensi atau pihak berkuasa lain yang bersamaan termasuk pihak berkuasa cukai yang mana kami atau sekutu kami tertakluk atau terserah kepada, dalam setiap kes bagi mana-mana negara di seluruh dunia, atau untuk tujuan undang-undang lain, yang mungkin memindah Data Peribadi kepada agensi atau pihak berkuasa yang bersamaan di negara lain; (b) kepada bank pusat, pengawalselia, repositori data perdagangan, atau mekanisme pelaporan yang diluluskan yang mungkin di luar negara di mana anda berada; (c) kepada mahkamah, pihak lawan litigasi dan lain-lain, menurut sepina atau perintah mahkamah atau proses lain atau yang sebaliknya diperlukan secara munasabah, termasuk dalam konteks litigasi, penimbangtaraan dan prosiding yang bersamaan untuk menguatkuasakan terma dan syarat kami, dan sebagaimana yang wajar diperlukan untuk menyediakan atau melaksanakan sebarang litigasi, penimbangtaraan dan/atau prosiding yang bersamaan; dan (d) untuk menjaga hak, privasi, keselamatan atau harta benda, dan/atau sekutu kami, anda atau lain-lain.

Tambahan pula, kami mungkin mengguna, mendedah atau memindah Data Peribadi kepada pihak ketiga (i) semasa sebarang penyusunan semula, penggabungan, penjualan, usaha sama, pelantikan, pemindahan atau pelupusan kesemua atau sebahagian daripada perniagaan, aset atau saham lain (termasuk yang berkaitan dengan kemuflihan atau prosiding yang bersamaan) dan/atau (ii) kepada pihak ketiga, sebagaimana yang diminta oleh pelanggan dan wakil mereka

**Sila ambil perhatian bahawa Data Peribadi yang kami kumpul untuk memenuhi kewajipan undang-undang dan pengawalseliaan yang berkaitan dengan pencegahan perubahan wang haram dan pembiayaan keganasan hanya diproses bagi tujuan tersebut, kecuali dibenarkan atau dipersetujui sebaliknya.**

### **MAKLUMAT LAIN**

“Maklumat Lain” ialah sebarang maklumat yang tidak mendedahkan identiti khusus seseorang atau tidak berkaitan secara langsung dengan individu yang dapat dikenal pasti, seperti:

- Maklumat pelayar dan peranti
- Data penggunaan Aplikasi
- Maklumat yang dikumpulkan melalui kuki, tag piksel dan teknologi lain
- Maklumat demografi dan maklumat lain yang dibekalkan oleh anda yang tidak mendedahkan identiti khusus seseorang
- Maklumat yang telah teragregat dalam cara di mana ia tidak lagi mendedahkan identiti khusus seseorang
- Maklum balas tinjauan dan maklumat bersamaan yang mendedahkan pandangan dan pilihan, tetapi yang tidak mendedahkan identiti khusus seseorang.

Jika kami dikehendaki untuk memperlakukan Maklumat Lain sebagai Data Peribadi di bawah undang-undang terpakai, maka kami mungkin mengguna dan mendedahkan ia untuk tujuan yang mana kami mengguna dan mendedahkan Data Peribadi seperti yang dibutirkan dalam Notis Privasi ini.

### **Pengumpulan Maklumat Lain**

Kami dan pembekal perkhidmatan kami mungkin mengumpul Maklumat Lain dengan pelbagai cara, termasuk:

- **Melalui pelayar atau peranti:** Maklumat tertentu dikumpul oleh kebanyakan pelayar atau melalui peranti secara automatik, seperti alamat Pengawal Akses Media (Media Access Control, MAC), jenis komputer (Windows atau Mac), resolusi skrin, nama dan versi sistem operasi, pengilang dan model peranti, bahasa, jenis dan versi pelayar Internet dan nama serta versi Perkhidmatan (seperti Aplikasi) yang digunakan. Kami menggunakan maklumat ini untuk memastikan bahawa Perkhidmatan berfungsi dengan betul.
- **Menggunakan kuki:** Kuki ialah bahagian maklumat yang disimpan secara langsung dalam komputer yang digunakan. Kuki membolehkan kami mengumpul maklumat seperti jenis pelayar, tempoh yang dihabiskan semasa menggunakan Perkhidmatan, halaman yang dikunjungi, pilihan bahasa, dan data trafik tanpa nama yang lain. Kami dan pembekal perkhidmatan kami menggunakan maklumat untuk tujuan keselamatan, untuk memudahkan pelayaran, untuk memaparkan maklumat dengan lebih berkesan, dan untuk memperibadikan pengalaman pengguna. Kami juga mengumpul maklumat statistik mengenai penggunaan Perkhidmatan untuk memperbaiki reka bentuk dan fungsian secara berterusan, memahami bagaimana ia digunakan dan membantu kami untuk menyelesaikan persoalan yang berkenaan dengannya. Kami pada masa ini tidak membalas isyarat jangank jejak pelayar.

Kebanyakan pelayar membenarkan individu untuk menolak kuki secara automatik atau diberi pemilihan untuk menolak atau menerima kuki tertentu (atau kuki-kuki) daripada laman web yang tertentu. Sila rujuk [www.allaboutcookies.org/manage-cookies/index.html](http://www.allaboutcookies.org/manage-cookies/index.html) untuk maklumat lanjut. Penolakan kuki mungkin menyebabkan bahagian tertentu Perkhidmatan berhenti untuk berfungsi.

- **Menggunakan tag piksel dan teknologi bersamaan yang lain:** Tag piksel (juga dikenali sebagai suar web dan GIF jelas) mungkin digunakan untuk, antara yang lain, untuk menjejak tindakan pengguna Perkhidmatan (termasuk penerima e-mel), mengukur kejayaan kempen pemasaran kami dan menyusun statistik mengenai penggunaan Perkhidmatan dan kadar tindak balas.
- **Analitis:** Kami mungkin menggunakan Google Analytics, yang menggunakan kuki dan teknologi yang bersamaan untuk mengumpul dan menganalisis maklumat mengenai penggunaan Perkhidmatan dan melaporkan aktiviti dan trend. Perkhidmatan ini mungkin juga mengumpul maklumat mengenai penggunaan laman web lain, aplikasi dan sumber dalam talian. Anda boleh mengetahui lebih lanjut mengenai amalan Google dengan mengunjungi [www.google.com/policies/privacy/partners](http://www.google.com/policies/privacy/partners).

- Kami mungkin menggunakan Objek Kongsi Tempatan Flash (Flash LSO) dan teknologi lain untuk, antara yang lain, mengumpul dan menyimpan maklumat mengenai penggunaan Perkhidmatan oleh anda. Jika anda tidak mahu Flash LSO disimpan dalam komputer anda, anda boleh melaraskan tetapan pemain Flash anda untuk menyekat penyimpanan Flash LSO dengan menggunakan alat yang terkandung dalam Panel Tetapan Penyimpanan Laman Web, yang boleh didapati dengan mengunjungi [www.macromedia.com/support/documentation/en/flashplayer/help/settings\\_manager07.html](http://www.macromedia.com/support/documentation/en/flashplayer/help/settings_manager07.html). Anda juga boleh pergi ke Panel Tetapan Penyimpanan Global di [www.macromedia.com/support/documentation/en/flashplayer/help/settings\\_manager03.html](http://www.macromedia.com/support/documentation/en/flashplayer/help/settings_manager03.html) dan ikut arahan (yang boleh menerangkan, contohnya, bagaimana untuk memadamkan Flash LSO sedia ada (dirujuk sebagai “maklumat”), bagaimana untuk mencegah Flash LSO daripada ditempatkan dalam komputer anda tanpa ditanya, dan bagaimana untuk menyekat Flash LSO yang tidak dihantar oleh operator halaman yang anda kunjungi pada masa itu). Sila ambil perhatian bahawa penetapan Pemain Flash untuk menyekat atau mengehadkan penerimaan Flash LSO mungkin mengurangkan atau menghalang fungsi sesetengah aplikasi Flash.
- **Alamat IP:** Alamat IP diberikan kepada komputer secara automatik oleh Pembekal Perkhidmatan Internet. Alamat IP mungkin dikenal pasti dan dilog secara automatik dalam fail log pelayan kami pada bila-bila masa sahaja pengguna mengakses Perkhidmatan, bersama dengan masa kunjungan dan halaman yang dikunjungi. Mengumpul alamat IP ialah amalan biasa dan dibuat secara automatik oleh banyak laman web, aplikasi dan perkhidmatan lain. Kami menggunakan alamat IP untuk tujuan seperti mengira tahap penggunaan, mengenal pasti masalah pelayan dan mentadbir Perkhidmatan. Kami mungkin juga memperoleh anggaran lokasi daripada alamat IP.

### **Penggunaan dan Pendedahan Maklumat Lain**

Kami mungkin mengguna dan mendedahkan Maklumat Lain untuk sebarang tujuan, kecuali yang mana kami dikehendaki sebaliknya di bawah undang-undang terpakai. Dalam sesetengah keadaan, kami mungkin menggabungkan Maklumat Lain dengan Data Peribadi. Jika kami berbuat demikian, kami akan memperlaku maklumat gabungan sebagai Data Peribadi selagi ia digabungkan.

### **PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA**

Notis Privasi ini tidak menangani, dan kami tidak bertanggungjawab, untuk maklumat peribadi atau amalan lain mana-mana pihak ketiga, termasuk mana-mana pihak ketiga yang mengendalikan sebarang laman web atau perkhidmatan yang dipautkan oleh Perkhidmatan. Pemasukan pautan pada Perkhidmatan tidak bermaksud sokongan terhadap laman pautan atau perkhidmatannya oleh kami atau oleh Sekutu BofA.

### **KESELAMATAN**

Kami menggunakan langkah organisasi, teknikal dan pentadbiran yang munasabah untuk menjaga Data Peribadi anda dalam organisasi kami. Jika anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa interaksi anda dengan kami tidak lagi selamat, sila beritahu kami dengan segera selaras dengan bahagian “Hubungi Kami” di bawah.

### **Bagaimana individu boleh mengakses, mengubah atau menahan Data Peribadi**

Anda mungkin mempunyai hak tertentu di bawah undang-undang perlindungan data tempatan, termasuk (tetapi tidak terhad kepada): hak untuk meminta akses kepada data peribadi atau hak untuk menolak, menarik balik keizinan, menyekat, atau meminta pemberhentian pengumpulan, penggunaan, pendedahan, dan pemprosesan lain data peribadi seperti yang diterangkan dalam Notis ini.

### **TEMPOH PENGEKALAN**

Kami akan mengekalkan Data Peribadi selagi ia diperlukan mengikut jadual pengekalan kami atau dibenarkan bagi tujuan yang mana ia diperolehi. Kriteria yang digunakan untuk menentukan tempoh pengekalan kami termasuk: (i) jangka masa kami mempunyai hubungan berterusan dengan pelanggan kami dan menyediakan Perkhidmatan; (ii) sama ada terdapat kewajipan undang-undang yang mana kami tertakluk kepada, dan (iii) sama ada pengekalan adalah wajar menurut kedudukan undang-undang kami (seperti yang berkenaan dengan statut keterbatasan, litigasi dan penyiasatan pengawalseliaan terpakai).

### **PEMBUATAN KEPUTUSAN AUTOMATIK**

Kami tidak menggunakan pembuatan keputusan automatik dalam proses kami.

#### **PENGGUNAAN PERKHIDMATAN OLEH INDIVIDU BAWAH UMUR**

Perkhidmatan tidak ditujukan kepada individu di bawah umur lapan belas (18), dan kami tidak secara sengaja mengumpul Data Peribadi daripada individu di bawah umur 18.

#### **BIDANG KUASA DAN PEMINDAHAN RENTAS-SEMPADAN**

Data Peribadi mungkin disimpan dan diproses di mana-mana negara di mana kami mempunyai kemudahan atau di mana kami melibatkan pembekal perkhidmatan termasuk Amerika Syarikat. Dalam keadaan tertentu, mahkamah, agensi penguatkuasaan undang-undang, agensi pengawalseliaan atau penguatkuasa keselamatan di negara lain tersebut mungkin berhak untuk mengakses Data Peribadi.

Untuk pemindahan dari Malaysia ke negara yang tidak dianggap memadai, kami telah menetapkan langkah yang mencukupi, seperti klausa kontrak standard untuk melindungi Data Peribadi. Pemindahan boleh juga dibuat menurut kontrak berdasarkan minat anda atau atas permintaan anda.

Dengan membekalkan Entiti Malaysia BofA dengan Data Peribadi anda, anda mengakui dan memahami bahawa Entiti Malaysia BofA mungkin mengumpul, mengguna, memindah, atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga dan untuk tujuan yang dikenal pasti dalam Notis Privasi ini untuk menyediakan Perkhidmatan kepada anda secara munasabah. Jika anda tidak membekalkan kami dengan Data Peribadi yang diterangkan dalam Notis Privasi ini, Entiti Malaysia BofA mungkin tidak lagi dapat menyediakan anda dengan Perkhidmatan dan penerimaan Perkhidmatan tersebut oleh anda mungkin dihentikan dengan segera.

Sekiranya Entiti Malaysia BofA ingin mendedahkan maklumat anda untuk mempromosi atau membuat publisiti produk atau perkhidmatan, Entiti Malaysia BofA akan memperoleh keizinan khusus bagi tujuan pemasaran sedemikian sebelum pendedahan tersebut. Keizinan anda untuk tujuan pemasaran sedemikian bukanlah syarat untuk menerima Perkhidmatan.

## MAKLUMAT PERIBADI SENSITIF

Kami biasanya tidak mengumpul Data Peribadi sensitif yang berkaitan dengan Perkhidmatan. Sila jangan hantar kepada kami Data Peribadi yang dikategorikan sebagai data peribadi sensitif di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia atau peraturan pelaksanaannya (cth., kesihatan atau keadaan fizikal atau mental subjek data, pandangan politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang bersamaan sifat, perlakuan atau pendakwaan perlakuan sebarang kesalahan atau sebarang data peribadi lain yang mungkin ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang diterbitkan dalam Warta.) (“Data Khas”) melalui Perkhidmatan atau sebaliknya, kecuali kami meminta secara khusus maklumat ini daripada anda atau membuat pertanyaan usaha wajar dari anda yang mana maklum balasnya memerlukan anda untuk mendedahkan Data Khas kepada kami. Dalam kes sedemikian, sila pastikan anda memberitahu kami bahawa anda sedang membekalkan Data Peribadi Sensitif.

Kami mungkin menerima Data Peribadi Sensitif daripada pembekal perkhidmatan pihak ketiga dan lain-lain dalam menyokong aktiviti usaha wajar yang dijalankan oleh kami untuk memenuhi pelbagai keperluan undang-undang dan pengawalseliaan yang mana kami tertakluk kepada.

## HAK INDIVIDU

Anda mungkin berhak untuk membuat permintaan tertentu kepada Entiti Malaysia BofA di bawah undang-undang perlindungan data terpakai. Hak ini mungkin termasuk, tertakluk kepada syarat dan batasan yang berkenaan:

- Individu mempunyai hak untuk meminta salinan data peribadi;
- Individu mempunyai hak untuk menghalang pemprosesan dalam keadaan tertentu yang mana pemprosesan mungkin membawa kemudharatan;
- Individu mempunyai hak untuk meminta supaya data peribadi tersebut diperbetulkan; dan
- Individu berhak untuk memadamkan ketidaktepatan atau ketidaklengkapan, kecuali dalam keadaan yang terhad.

Kecuali dinyatakan sebaliknya, ia adalah wajib yang data peribadi individu relevan dibekalkan kepada kami. Individu berhak untuk membantah (untuk tujuan sah) pengumpulan atau pemprosesan data peribadi. Individu boleh menarik balik keizinan untuk pemprosesan data peribadi dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Jika individu memilih untuk tidak membekal, mengehend atau menarik balik keizinan untuk mengumpul, mengguna, memproses atau berkongsi data peribadi, kami mungkin tidak dapat menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan tertentu.

Jika anda ingin meminta untuk menyemak, memperbetul, mengemaskini, menahan, menyekat atau memadamkan Data Peribadi yang telah anda bekalkan kepada kami, atau jika anda ingin meminta untuk menerima salinan elektronik Data Peribadi untuk tujuan penghantaran kepada syarikat lain (setakat mana hak kemudahalihan data ini diberikan kepada anda oleh undang-undang terpakai), anda boleh menghubungi kami dengan menghantar e-mel kepada [individualrightsrequests@bofa.com](mailto:individualrightsrequests@bofa.com). Kami akan membalas permintaan anda selaras dengan undang-undang terpakai.

Dalam permintaan anda, sila jelaskan Data Peribadi mana yang anda ingin tukar, sama ada anda inginkan Data Peribadi disekat daripada pangkalan data kami atau sebaliknya memberitahu kami had apa yang anda ingin berikan berkenaan dengan penggunaan Data Peribadi tersebut. Untuk perlindungan anda, kami mungkin hanya melaksanakan permintaan berkenaan dengan Data Peribadi yang berkaitan dengan alamat e-mel tertentu yang anda gunakan untuk menghantar permintaan kepada kami, dan kami mungkin perlu mengesahkan identiti anda sebelum melaksanakan permintaan anda. Kami akan mematuhi permintaan anda secepat yang boleh dipraktikkan secara munasabah.

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin perlu mengekalkan maklumat tertentu untuk tujuan penyimpanan rekod dan/atau untuk menyempurnakan sebarang transaksi yang anda mulakan sebelum permintaan untuk pertukaran atau pepadaman. Mungkin terdapat maklumat selebihnya yang akan kekal dalam pangkalan data dan rekod lain kami, yang mana tidak akan dialih keluar.

### **Menerima komunikasi elektronik daripada kami**

Jika anda tidak lagi ingin menerima e-mel berkaitan dengan pemasaran daripada kami untuk masa akan datang, anda boleh menarik diri dengan mengikuti arahan dalam komunikasi elektronik yang relevan tersebut.

Kami akan mematuhi permintaan anda secepat yang boleh dilaksanakan secara munasabah. Sila ambil perhatian bahawa jika anda menarik diri daripada menerima e-mel berkaitan dengan pemasaran daripada kami, kami masih boleh menghantar kepada anda mesej

pentadbiran dan Perkhidmatan atau berkaitan dengan transaksi yang penting, yang mana anda tidak boleh menarik diri daripada.

### **KEMAS KINI UNTUK NOTIS PRIVASI INI**

Kami boleh menukar Notis Privasi ini, dari semasa ke semasa. Petunjuk “KEMAS KINI TERAKHIR” pada bahagian atas Notis Privasi ini menunjukkan bila Notis Privasi ini dipinda pada kali terakhir. Sebarang pertukaran akan berkuat kuasa apabila kami memaparkan Notis Privasi yang dipinda tersebut. Penggunaan Perkhidmatan selepas perubahan ini (atau peruntukan berterusan Data Peribadi anda kepada kami) menandakan penerimaan Notis Privasi yang dipinda tersebut.

### **MENGHUBUNGI KAMI**

Entiti Malaysia BofA yang menyediakan Perkhidmatan berkaitan dengan mana Data Peribadi anda telah dibekalkan ialah syarikat yang bertanggungjawab dalam pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Data Peribadi anda di bawah Notis Privasi ini.

Jika anda mempunyai sebarang persoalan mengenai Notis Privasi ini, sila hubungi Pengurus Perhubungan Pelanggan anda. Anda juga boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data Malaysia kami di [connect.dpo@bofa.com](mailto:connect.dpo@bofa.com).

Untuk membantu kami untuk mengurus persoalan anda, sila masukkan nama penuh anda dan nama Entiti Malaysia BofA yang anda fahami akan memproses data peribadi dan/atau sebarang nombor rujukan yang disediakan oleh Entiti Malaysia BofA kepada anda.



## Lampiran 1 – Kategori Data Peribadi yang Kami Boleh Kumpul, Guna, Dedah, atau Pindahkan

“**Data Peribadi**” ialah maklumat yang dikumpul semasa atau berkaitan dengan Perkhidmatan Entiti Malaysia BofA, dan berkaitan dengan Perkhidmatan kami yang mengenalpasti seseorang individu atau berkaitan dengan individu yang boleh dikenalpasti, termasuk:

- Nama
- Butiran akaun dan maklumat perhubungan yang berkaitan
- Alamat pos
- Nombor telefon atau faks
- Alamat e-mel dan alamat pengenalpasti perhubungan elektronik lain
- Tarikh lahir
- Butiran daripada pasport dan borang pengenalan peribadi lain yang dikeluarkan oleh kerajaan atau negeri (termasuk Nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara, keselamatan sosial, lesen pemandu, insurans negara dan nombor pengenalan lain)
- Imej fotografi atau video
- Tandatangan
- Kewarganegaraan
- Jenis Pekerjaan (?)
- Sumber kekayaan
- Rekod telefon atau elektronik

Dalam proses penyediaan Perkhidmatan tertentu, kami juga boleh menerima daripada anda, atau pihak ketiga, maklumat yang termasuk:

- Maklumat berkenaan pekerjaan (maklumat gaji, pilihan stok, pegangan saham, pencen, dan CV);
- Maklumat mengenai pengawalseliaan dan penyiataan atau litigasi lain yang mana anda masih atau pernah tertakluk kepada;
- Maklumat mengenai penggunaan perkhidmatan kami oleh anda, dan cara individu yang bekerja untuk pelanggan kami menggunakan perkhidmatan kami; dan
- Sumber kekayaan pemilik bermanfaat

## Lampiran 2 – Penggunaan dan Pendedahan Data Peribadi

Kami dan pembekal perkhidmatan kami mungkin menggunakan Data Peribadi untuk kepentingan perniagaan sah kami atau untuk memenuhi kewajipan undang-undang dan pengawalseliaan kami, termasuk yang berikut:

- a) untuk mengesahkan penandatanganan yang diberi kuasa semasa menyempurnakan perjanjian dan transaksi;
- b) untuk menghubungi individu yang dicalonkan berkaitan dengan transaksi dan perjanjian kontrak sedia ada;
- c) untuk membalas persoalan dan memenuhi permintaan daripada pelanggan kami dan/atau pihak ketiga relevan yang memerlukan maklumat sebagai sebahagian daripada keperluan pembekalan Perkhidmatan, dan untuk mentadbir akaun dan mengurus hubungan kami;
- d) untuk memberitahu pelanggan kami mengenai produk atau perkhidmatan yang kami percaya mungkin mengikut minat mereka, termasuk iklan yang disesuaikan cadangan atau tawaran pemasaran (tetapi hanya dengan keizinan anda, jika diperlukan oleh Undang-undang);
- e) untuk mengesahkan identiti dan/atau lokasi individu (atau identiti atau lokasi wakil atau ejen pelanggan kami) untuk membolehkan akses ke akaun pelanggan, atau melaksanakan transaksi dalam talian;
- f) untuk melindungi keselamatan akaun dan Data Peribadi;
- g) untuk tujuan pengurusan maklumat dan hubungan, dan tujuan perniagaan, termasuk analisis data, audit, membangunkan dan memperbaiki produk dan perkhidmatan, mengenal pasti trend penggunaan dan menentukan keberkesanan kempen promosi, dan meningkatkan, memperbaiki atau mengubah Perkhidmatan kami;
- h) untuk pengurusan risiko, pengesanan penipuan, pencegahan dan penyiasatan, termasuk “ketahui pelanggan anda”, anti-pengubahan wang haram, konflik dan penyepaduan yang perlu dan penyemakan pelanggan berterusan yang lain, keperluan ketelitian wajar dan pengesanan, penyemakan kredit, analisis risiko kredit, dan pelaporan cukai;
- i) untuk menyediakan, dan melaksanakan tanggungjawab kami berkenaan dengan, Perkhidmatan atau sebaliknya berkaitan dengan mematuhi arahan;
- j) untuk menghantar maklumat pentadbiran kepada pelanggan, seperti perubahan terma, syarat dan polisi kami
- k) untuk sebaliknya mematuhi undang-undang dan peraturan (termasuk sebarang bimbingan undang-undang atau pengawalseliaan, kod atau pendapat), dan untuk mematuhi keperluan proses undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang lain (termasuk sebarang polisi dalaman yang berdasarkan atau mencerminkan panduan undang-undang atau pengawalseliaan, kod atau pendapat); dan
- l) sebagai sebahagian daripada penjualan, penggabungan atau perubahan yang bersamaan daripada perniagaan Bank of America Corporation

Data Peribadi mungkin didedahkan kepada pihak ketiga berkaitan dengan Perkhidmatan yang kami bekalkan. Penerima sebarang maklumat sedemikian akan bergantung kepada Perkhidmatan yang disediakan. Tertakluk kepada sebarang batasan terhadap kerahsiaan yang telah kami bersetuju secara khusus dengan pelanggan kami atau pihak transaksi lain, pendedahan sedemikian boleh termasuk pendedahan:

- kepada sekutu dan subsidiari BofA untuk tujuan yang diterangkan dalam Notis Privasi ini (“**Sekutu BofA**”);
- kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami yang menyediakan perkhidmatan seperti pengehosan laman web, analisis data, pemprosesan bayaran, pemenuhan pesanan, pembekalan teknologi maklumat dan infrastruktur yang berkaitan, perkhidmatan pelanggan, penghantaran e-mel, audit, pengumpulan e-tandatangan dan pemprosesan perkhidmatan dan perkhidmatan lain;
- kepada pakar dan penasihat pihak ketiga (termasuk penasihat undang-undang luaran, notari, juruaudit dan penasihat cukai);
- kepada pembekal infrastruktur pembayaran, perbankan dan komunikasi termasuk agensi pungutan hutang, syarikat percetakan cek dan penyata, SWIFT, institusi dan perantara kewangan yang mana kami mungkin berurusan dengan termasuk bank, syarikat insurans, broker insurans, rakan niaga pusat (central counterparties, CCP), rumah penjelasan, sistem penjelasan dan penyelesaian, pertukaran, platform perdagangan, pasaran terkawal selia, institusi kredit, broker kewangan, bank lain, penaja, penerbit, ahli sindiket bersama, sub-pengunderaitan, pembekal perkhidmatan pendamaian portfolio, pembekal perkhidmatan margin, platform perisian tengah, ejen penilaian, ejen perkhidmatan dan pembekal perkhidmatan lain yang membantu dalam transaksi;
- kepada pembekal simpanan pihak ketiga (termasuk pembekal perkhidmatan arkib, repositori dokumen dan laman urus niaga yang menyediakan akses penawaran pekeliling dan bahan pemasaran lain) dan repositori data perdagangan;
- kepada platform pengedaran pihak ketiga dan kepada operator pembawa komunikasi swasta atau umum atau kemudahan transmisi, pembekal perkongsian masa dan perkhidmatan mel atau kurier;
- kepada peserta urus niaga/transaksi lain termasuk penerbit, peminjam, pelabur berpotensi dan ahli sindiket, penasihat, peminjam lain, pencetak bebas yang menghasilkan surat pekeliling, prospektus dan bahan pemasaran dan pembekal perkhidmatan penterjemahan;
- kepada rakan niaga, vendor dan benefisiari, dan entiti lain yang berkaitan dengan pelanggan kami (termasuk penjamin, Sekutu BofA, pelanggan pendasar, penghutang, pelabur, dana, akaun dan/atau sebarang wang pokok lain yang berkaitan); dan
- kepada individu lain seperti yang dipersetujui dengan pelanggan kami atau seperti yang diperlukan atau dibenarkan secara khusus oleh undang-undang terpakai.

Pendedahan Data Peribadi yang kami lakukan pada pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami, seperti yang diterangkan dalam bahagian ini, akan dilakukan tertakluk kepada syarat kerahsiaan dan keselamatan yang kami mungkin mempertimbangkan sebagai wajar dengan keadaan khusus bagi setiap pendedahan sedemikian.